
PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 1 Tahun 2024

KAJI SEMULA JENIS PROGRAM / AKTIVITI LUAR YANG WAJAR DIKENAKAN BAYARAN PENUH, SEPARUH BAYARAN DAN TANPA BAYARAN BAGI PENGGUNAAN BAS RASMI UiTM DAN KADAR SEWAAN BAGI KENDERAAN UiTM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Universiti telah bersetuju untuk menggunakan cadangan kaji semula jenis program / aktiviti luar yang wajar dikenakan bayaran penuh, separuh bayaran dan tanpa bayaran bagi penggunaan bas rasmi UiTM dan kadar sewaan bagi kenderaan UiTM secara bersepadu dan berpusat di seluruh sistem UiTM dan membatalkan Pekeliling Penolong Naib Canselor (Pembangunan) Bil. 04 Tahun 2024.

LATAR BELAKANG

2. Menyenaikan semula segala aktiviti / program pelajar mahupun staf yang tidak dikenakan bayaran, separuh bayaran dan bayaran penuh bagi penggunaan kenderaan rasmi UiTM.
3. Ini adalah ekoran dari belanjawan mengurus yang berkurangan dan langkah-langkah penjimatan yang boleh dilaksanakan.
4. Memberi peluang kepada warga UiTM serta pihak-pihak luar untuk menyewa kenderaan UiTM seperti bas, van dan lori.

PELAKSANAAN

5. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 16/2024 pada 19 Jun 2024 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan ke 237 pada 11 Julai 2024 telah meluluskan permohonan kaji semula cadangan jenis program / aktiviti luar yang wajar dikenakan bayaran penuh, separuh bayaran dan tanpa bayaran bagi penggunaan bas, lori dan van rasmi UiTM secara bersepadu dan berpusat di seluruh sistem UiTM.

6. Pelaksanaan kepada semua PTJ / Fakulti / Kampus.
7. PTJ / Fakulti / Kampus bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada warga UiTM dan pihak-pihak luar berkenaan penggunaan kenderaan rasmi UiTM yang boleh disewakan.
8. Bahagian Pengurusan Kenderaan / Pentadbiran Kampus-kampus cawangan adalah digalakkan untuk menyewakan perkhidmatan kenderaan mereka agar dapat juga menjana hasil bagi pihak universiti.

PEMAKAIAN

9. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Ogos 2024.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2024



(PROFESOR Ts. Sr. Dr. MD YUSOF HAMID, PMP, AMP)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Penolong Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Institut
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail: 100-JP (BPSSM 6/7/4)
No. Siri: Pekeliling TNC (Pembangunan)*

Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti berkeputusan bersetuju dengan cadangan jenis program / aktiviti luar yang wajar dikenakan bayaran penuh, separuh bayaran dan tanpa bayaran bagi penggunaan kenderaan rasmi UiTM dan kadar sewaan adalah seperti berikut:

(a) Jenis Program Yang Tidak Dikenakan Sebarang Caj:

BIL	JENIS PROGRAM / AKTIVITI	JUSTIFIKASI
1.	Program keperluan silibus iaitu lawatan akademik dalam sesuatu Kod Kursus Akademik (Salinan silibus disertakan)	Program tersebut adalah bagi keperluan dalam kursus / subjek akademik yang wajib dalam tempoh pengajian pelajar
2.	Program sukan peringkat Universiti seperti SUKIPT, KARISMA, KARISTA, MASUM, SUKUM, UiTM International Sports Fiesta (UiSF), Lions Champ, Super UiTM, Majlis Anugerah Sukan UiTM dan lain-lain lagi yang berkaitan.	Program yang dijalankan adalah program sukan rasmi staf dan pelajar di peringkat universiti (UiTM) dan mewakili UiTM dalam anjuran kejohanan sukan oleh pihak luar
3.	Program Persatuan Dalaman / Fakulti / Kampus Cawangan di Peringkat Universiti	Program yang dihadiri oleh staf dan pelajar adalah bagi mewakili Universiti dalam sesuatu pertandingan / kejohanan sukan / program / aktiviti luar
4.	Program Ko-Kurikulum, SULAM dan PALAPES	Program yang dihadiri pelajar bagi melengkapkan keperluan silibus Ko-Kurikulum
5.	Program Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Program yang dijalankan adalah program di peringkat universiti yang melibatkan mahasiswa dalam skala yang besar merangkumi keseluruhan mahasiswa universiti
6.	Program Kementerian, NGO dan Industri	Program di peringkat kebangsaan yang melibatkan Kementerian, NGO dan Industri Luar yang berkepentingan dengan UiTM
7.	Program Pelajar anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)	Program yang melibatkan aktiviti pelajar di bawah Hal Ehwal Pelajar bagi mencapai KPI universiti dan HEP
8.	Program Kementerian, NGO dan Industri Luar	Program bukan di peringkat kebangsaan yang melibatkan Kementerian, NGO dan Industri Luar
9.	Program Pengantarabangsaan dan Kerjasama antara UiTM dengan pihak Universiti Luar	Program universiti yang melibatkan pelajar universiti lain dan pelajar dari luar negara.
10.	Permohonan penggunaan kenderaan oleh staf dan pelajar dari lain-lain Kampus UiTM	Permohonan-permohonan penggunaan kenderaan oleh lain-lain kampus

11.	Lawatan Tanda Aras	
12.	Malam Pra Graduan	
13.	Program Team Building	
14.	Program Latihan Staf	

(b) Jenis Program Dikenakan Separuh Bayaran Caj:

BIL	JENIS PROGRAM	JUSTIFIKASI	KELULUSAN PENGECCUALIAN BAYARAN (Pengeccualian bayaran untuk sebarang aktiviti adalah dengan kelulusan)
1.	Program lawatan akademik yang merupakan bukan keperluan dalam silibus akademik	Program adalah tidak wajib dan bukan keperluan kursus tetapi sebagai pendedahan kepada para pelajar untuk membuat lawatan	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) / Rektor (Kampus Cawangan)
2.	Program Persatuan Dalam / Fakulti / Kampus Cawangan	Program yang dihadiri oleh staf dan pelajar adalah bukan mewakili Universiti dalam sesuatu pertandingan / kejohanan sukan / program / aktiviti luar	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) / Rektor (Kampus Cawangan)
3.	Program Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Program yang dijalankan adalah program bukan di peringkat universiti yang melibatkan mahasiswa dalam skala yang besar merangkumi keseluruhan mahasiswa universiti.	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Rektor (Kampus Cawangan)

(c) Jenis Program Dikenakan Penuh Bayaran Caj:

BIL	JENIS PROGRAM	JUSTIFIKASI	KELULUSAN PENGECUALIAN BAYARAN (Pengecualian bayaran untuk sebarang aktiviti adalah dengan kelulusan)
1.	Program Santai	Program yang dijalankan oleh Staf dan Pelajar yang tiada kaitan langsung dengan urusan rasmi peringkat UiTM dan ia hanya untuk keperluan Bahagian / Fakulti dan kampus Cawangan.	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) / Rektor (Kampus Cawangan)
2.	Program kajian / penyelidikan, yang menerima geran dari pihak UiTM mahupun pihak-pihak luar	Program oleh Staf dan Pelajar untuk melengkapkan kajian atau penyelidikan bagi urusan mengambil sampel serta membuat lawatan-lawatan yang tiada kaitan dengan urusan rasmi UiTM	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) / Rektor (Kampus Cawangan)
3.	Program Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Program yang dijalankan adalah program bukan di peringkat universiti yang melibatkan mahasiswa dalam skala yang kecil dan tidak merangkumi keseluruhan mahasiswa universiti	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Rektor (Kampus Cawangan)
4.	Program Sukan Peringkat Fakulti / Bahagian / Kampus Cawangan	Program yang dijalankan adalah program sukan staf dan pelajar di peringkat Fakulti / Bahagian dan Kampus Cawangan yang melibatkan pertandingan, jemputan luar, latihan dan perlawanan persahabatan.	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) / Rektor (Kampus Cawangan)

(d) Kadar Bagi Sewaan Kenderaan UiTM (Bas Dan Lori)

BIL	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Kos Penyewaan meliputi bayaran parking, bayaran tol dan elaun-elaun pemandu (Mengikut kelayakan dan kadar tuntutan pemandu)	RM 50.00/jam. Jumlah penggunaan masa perlu diberikan bagi tujuan pengiraan jumlah masa diambil keseluruhannya.
2.	Kos Penyelenggaraan Kenderaan	RM 100.00 / perjalanan yang melebihi sehari semalam Hari ke-2 dan seterusnya. Tambahan RM 50.00 / hari (Caj tetap bagi setiap kenderaan bas dan lori yang disewakan)
3.	Kos Bahan Api	(Harga Semasa Bahan Api) x (Anggaran Jumlah Kilometer) / 8 KM

(e) Kadar Bagi Sewaan Kenderaan UiTM (Van)

BIL	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Kos Penyewaan meliputi bayaran parking, bayaran tol dan elaun-elaun pemandu (Mengikut kelayakan dan kadar tuntutan pemandu)	RM 30.00/jam. Jumlah penggunaan masa perlu diberikan bagi tujuan pengiraan jumlah masa diambil keseluruhannya.
2.	Kos Penyelenggaraan Kenderaan	RM 50.00 / perjalanan yang melebihi sehari semalam. Hari ke-2 dan seterusnya Tambahan RM 20.00 / hari (Caj tetap bagi setiap kenderaan van yang disewakan)
3.	Kos Bahan Api	(Harga Semasa Bahan Api) x (Anggaran Jumlah Kilometer) / 8 KM

- Lain-lain Kenderaan
- Kenderaan kereta, MPV serta SUV tidak disewakan kepada pengguna
- Keputusan Jawatankuasa Tetap Kewangan ini membatalkan keputusan JTK Bil. 235 Agenda D 5965 bertarikh 30 April 2024.
- Keputusan Mesyuarat Eksekutif Universiti ini membatalkan keputusan MEU Bil. 04/2024 pada 7 Februari 2024